



05 DEC, 2021

## Malaysia lepasi sasaran RM10 bilion



Kosmo Ahad, Malaysia

Page 1 of 2

Negara jana lebih RM33.9 bilion di Expo 2020 Dubai

# Malaysia lepasi sasaran RM10 bilion

Oleh EDDY HAMIDI

**PUTRAJAYA** — Malaysia mencatatkan pencapaian membanggakan apabila berjaya melepas sasaran asal pelaburan RM10 bilion bagi potensi pulangan perdagangan dan pelaburan dalam penyertaan di Expo 2020 Dubai.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, negara sebaliknya berjaya menjana lebih RM33.9 bilion menerusi jumlah 43 Memorandum Persefahaman, Memorandum Kerjasama dan Surat Niat, serta 602 petunjuk perniagaan dengan beberapa syarikat antarabangsa.

"Pencapaian dalam tempoh lapan minggu pertama penyertaan di ekspo berkenaan telah disumbang menerusi usahasama rentas kementerian melibatkan Kementerian Sains, Teknologi

dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bersama agensi dan syarikat swasta.

"Penyertaan rentas kementerian ini telah diselaraskan menerusi sub-tema 'Pavilion Malaysia' iaitu pengkomersialan teknologi tempatan, membangunkan ekosistem startup yang mampan, inovasi teknologi hijau, daya tahan iklim dan infrastruktur lestari, bandar pintar dan rendah karbon, kewangan mampan serta industri halal dan pembuatan mampan," katanya dalam satu kenyataan semalam.


Menurut Ismail Sabri, berdasarkan perkembangan positif itu, kerajaan yakin penyertaan Malaysia dalam ekspo berkenaan akan menghasilkan impak

yang lebih luas termasuk membuktikan bahawa syarikat dan teknologi tempatan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

"Momentum ini dijangka berterusan untuk 18 minggu akan datang dengan usaha gigih pelbagai kementerian, agensi dan kerajaan negeri," ujar beliau.

Pavilion Malaysia di Expo 2020 Dubai yang direka bentuk dengan konsep kanopi hutan hujan tropika bertemakan 'Energising Sustainability' telah merekodkan kunjungan lebih 330,000 pelawat sehingga 3 Disember lalu.

Lawatan peringkat tertinggi ke Pavilion Malaysia adalah termasuk menerima tetamu kehormat dari Amerika Syarikat, Emiriyah Arab Bersatu, India, Kemboja, Kuwait, Republik Guinea, Rusia, United Kingdom serta Dewan Perniagaan Sharja.



PENGUNJUNG menerima penerangan semasa melawat Pavilion Malaysia sempena Expo 2020 Dubai baru-baru ini.



05 DEC, 2021

## Malaysia lepasi sasaran RM10 bilion

Kosmo Ahad, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

Negara jana lebih RM33.9 bilion di Expo 2020 Dubai

PUTRAJAYA - Malaysia mencatatkan pencapaian membanggakan apabila berjaya melepas sasaran asal pelaburan RM10 bilion bagi potensi pulangan perdagangan dan pelaburan dalam penyertaan di Expo 2020 Dubai. Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, negara sebaliknya berjaya menjana lebih RM33.9 bilion menerusi sejumlah 43 Memorandum Persefahaman, Memorandum Kerjasama dan Surat Niat, serta 602 petunjuk perniagaan dengan beberapa syarikat antarabangsa.